

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (FORUM)

TARIKH: 15 OGOS 2019

MUKA SURAT: 15

Lif lama perlu diganti

SAUDARA PENGARANG,

PERSATUAN Pengguna Pulau Pinang (CAP) tidak terkejut dengan insiden lif mengalami kerosakan dan jatuh dari tingkat lima ke tingkat bawah dalam kejadian di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, Pantai Dalam, Kuala Lumpur pada 2 Ogos lalu.

Pihak kami telah menekankan pada masa lepas bahawa kemungkinan berlakunya kemalangan amat tinggi memandangkan jarak tempoh pemeriksaan lif oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) adalah terlalu lama iaitu 15 bulan. Kali ini mereka bernasib baik kerana insiden itu tidak mengakibatkan kematian, hanya kecederaan.

Menganggap insiden itu sebagai satu kemalangan adalah tidak bertanggungjawab. Hanya kerana kabel lif tidak putus, breknya berfungsi dan sistem komputer juga berfungsi tidak bermakna bahawa ia tiada masalah.

Lif berkenaan dikatakan berusia 12 tahun yang boleh dianggap sudah mencapai akhir hayat memandangkan jangka hayat lif adalah antara 12 dan 20 tahun bergantung kepada penggunaannya. Selain itu, penduduk mendakwa sebelum kejadian, lif itu beberapa kali mengalami kerosakan.

Di samping pemeriksaan JKKP setiap 15 bulan, pemilik lif sepatutnya mendapatkan kontraktor yang mendapat tauliah daripada jabatan itu untuk menyelenggara lif dalam tempoh ditetapkan. Bagaimanapun, kami

menerima aduan bahawa pihak yang ditauliahkan oleh JKKP untuk menyelenggara lif itu enggan menukar alat ganti dalam lif lama berkenaan walaupun ia kerap rosak dan hanya terus menyelenggara. Alasannya adalah alat ganti sukar untuk diperoleh dan lif itu berfungsi selepas diselenggara.

Bagaimana JKKP boleh memberikan tauliah kepada kontraktor/syarikat yang bersikap seperti ini dan kenapa Sijil Layak Menduduki Bangunan (CF) dikeluarkan terhadap lif dengan keadaan sedemikian? Kenapa tidak menggantikan lif lama itu dengan yang baharu?

Kerajaan sebelum ini ada mewujudkan Tabung Penyelenggaraan Malaysia (TP1M). Kos bagi peralatan tertentu boleh disubsidi menggunakan dana TP1M termasuk bagi membaiki dan menggantikan lif. Kerajaan akan memberikan subsidi 90% daripada kos bagi flat kos rendah dan 70% bagi flat kos sederhana rendah. Apa yang telah berlaku kepada dana ini?

Orang ramai perlu mengambil langkah keselamatan yang lebih serius dan ia mesti bermula dengan pihak berkuasa. Dalam kes ini, lif perlu diperiksa oleh pemeriksa JKKP lebih awal daripada 15 bulan dan tiada kompromi perlu dibuat oleh kontraktor bertauliah atau pihak berkuasa. Lif lama perlu diganti.

MOHIDEEN ABDUL KADER

Pemangku Presiden CAP



BLOK C, PPR Kerinchi, Pantai Dalam, Kuala Lumpur, lokasi berlakunya kejadian lif tiba-tiba jatuh dari tingkat lima 2 Ogos lalu. - IHSAN BOMBA